

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPK 324 – KAEDAH MENGAJAR KESUSASTERAAN MELAYU 11**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 dan DUA (2) soalan lain.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

1. Bincangkan **isu dan masalah** yang dihadapi oleh guru ketika mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat sekolah menengah atas.

(40 markah)

2. “Sajak merupakan pengucapan batin manusia sehabis ringkas, sehabis langsung dan mempunyai makna” (Ishak Ramly, 2003). Berdasarkan petikan ini jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Bincangkan **unsur-unsur keindahan** yang terdapat dalam sesebuah sajak.

(10 markah)

- (b) Sediakan Rancangan Pengajaran Harian dengan tumpuan kepada aspek tema, gaya bahasa dan unsur-unsur keindahan yang hendak disalurkan oleh penyair melalui sajak yang disediakan.

**(RUJUK LAMPIRAN 1: Sajak “ Selamat Tidur Pohon-Pohon Hijau” – Marzuki Ali, Bacalah Dalam Bahasamu Teks Moden Kesusasteraan Melayu KBSM (B) ms. 126-127.**

(20 markah)

3. “Pantun merupakan tinggalan puisi Melayu yang sebenar-benarnya milik orang Melayu”.

- (a) Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Jika bersetuju apakah ciri-ciri keistimewaan yang ada pada pantun jika dibandingkan dengan syair.

(10 markah)

- (b) Sediakan Rancangan Pengajaran Harian beserta dengan cadangan penggunaan ABM yang sesuai untuk mengajar perutusan dan unsur-unsur keindahan pantun empat kerat yang disediakan.

**(RUJUKAN LAMPIRAN 2: Pantun Empat Kerat (Perpisahan), Hati Terkenang Mulut Menyebut, Teks Tradisional Kesusasteraan Melayu KBSM ms. 10.**

(20 markah)

4. "Novel **Restu** hasil karya Ismail Kassan membawa banyak unsur pengajaran kepada pembaca, unsur-unsur ini pula disampaikan baik secara langsung atau secara tidak langsung".
- (a) Nyatakan apakah pengajaran yang diperolehi oleh pembaca setelah selesai membawa novel **Restu** ini?
- (10 markah)
- (b) Sediakan Rancangan Pengajaran Harian dengan tumpuan kepada aspek tema dan perwatakan **novel Restu** dengan menggunakan pendekatan mengalami menghayati.
- (20 markah)
5. Sejak kebelakangan ini pengajaran sastera tidak lagi memberi tumpuan kepada penguasaan teks sahaja tetapi lebih menjurus kepada aspek penghayatan. Berdasarkan kenyataan ini dengan secara ringkas jawab soalan-soalan berikut:
- (a) Apakah yang ada faham dengan **penghayatan**?
- (10 markah)
- (b) Terangkan **aras-aras bacaan penghayatan sastera** seperti yang dikemukakan oleh Ishak Ramly (2003).
- (20 markah)

...4/-

LAMPIRAN 1

BACALAH DALAM BAHASAMU

## SELAMAT TIDUR POHON-POHON HIJAU

*Marzuki Ali*

selamat tidur pohon-pohon hijau  
 kerana malam telah lewat  
 rapatkanlah daun-daunmu  
 biar ranting dan dahanmu beristirahat supaya besok  
 kau bisa bangun  
 dan bersedia menghadapi matahari  
 dan menahan diri  
 menentang pembangunan  
 yang kian menjadi-jadi.

selamat tidur pohon-pohon hijau  
 biar malam mengulitimu  
 dengan mimpi-mimpi syurga hijau  
 biarkan penghuni-penghuni kota  
 yang lagi dahaga dengan cita-cita  
 menanamkan pohon-pohon impian  
 dengan baja material  
 pada bangunan-bangunan tinggi  
 yang siap mengganyangmu  
 dan membiarkanmu seenaknya ditebang  
 satu/demi satu!

selamat malam pohon-pohon hijau  
 selamat beradu dengan lena  
 biar saja keangkuhan mereka pada bulan –  
 biar saja kesombongan mereka pada alam –  
 tidak selamanya keindahan itu keindahan  
 tidak segala-galanya menjadi damai  
 hanya kerana memusuhimu.

selamat malam pohon-pohon hijau  
 selimutilah malam-malam nanti dengan zikirmu,  
 moga-moga di bawah rimbunanmu  
 akan ada insan yang ikhlas  
 lalu mendoakan usiamu sebelum tua –  
 menghijau alam pada.

*Langit di Tangan, 1995*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

LAMPIRAN 2

HATI TERKENANG MULUT MENYEBUT

**PANTUN EMPAT KERAT**

*(Perpisahan)*

Hari ini menugal jagung,  
Hari esok menugal jelai;  
Hari ini kita berkampung,  
Hari esok kita bercerai.

Dari mana hendak ke mana,  
Tinggi rumput dari padi;  
Hari mana bulan yang mana,  
Dapat kita bertemu lagi.

Kelip-kelip kusangka api,  
Kalau api mana puntungnya;  
Hilang ghaib kusangka mati,  
Kalau mati mana kuburnya.

Batang selasih permainan budak,  
Berdaun sehelai dimakan kuda;  
Bercerai kasih bertalak tidak,  
Seribu tahun kembali juga.

Orang Aceh sedang sembahyang,  
Hari Jumaat tengah hari;  
Pergilah kasih, pergilah sayang,  
Pandai-pandailah menjaga diri.

Mana Manggung, mana Periaman,  
Mana batu kiliran taji;  
Tinggal kampung tinggal halaman,  
Tinggal tepian tempat mandi.

Bintang Barat terbit petang,  
Bintang Timur terbit pagi;  
Jika tidak melarat panjang,  
Ada umur ketemu lagi.

*Permatang Budi, 1991*  
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

\* \* \* - 0000000 -

